



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 3888
Faks : 603-8888 6188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK (H1N1) 2009 DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

10 Julai 2009

Sehingga 10 Julai 2009 jam 8.00 pagi terdapat **53** kes baru influenza A(H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 41 kes import dan 12 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza (H1N1) di Malaysia sehingga 10 Julai 2009 berjumlah **627** kes yang terdiri daripada 456 kes import dan 171 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Lima puluh tiga (53) kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 46 warganegara Malaysia dan 7 warga asing iaitu Indonesia (5) dan masing – masing satu dari China dan Britain. Maklumat berkaitan 53 kes yang dilaporkan pada hari ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

Daripada 627 jumlah pesakit influenza A(H1N1) yang disahkan, sejumlah 495 (78.9%) telah sembuh dan telah discaj daripada hospital. Baki pesakit yang sedang dirawat di hospital berjumlah **132** orang.

Terdapat dua (2) kes import di Sekolah Antarabangsa Alice Smith, Sri Kembangan melibatkan dua (2) pelajar yang menyertai rombongan sekolah ke New York. Pihak pengurusan Sekolah Antarabangsa Alice

Smith telah mengambil keputusan untuk menutup sekolah tersebut secara sukarela bermula hari ini. Sementara itu, bagi satu (1) kes tempatan yang melibatkan pelajar Tadika Gospel Chapel Kerokop di Miri, Sarawak, pihak pengurusan tadika tersebut juga telah menutup tadika secara sukarela.

Terdapat dua (2) lagi tambahan kes di sebuah syarikat swasta di Cyberjaya, menjadikannya 14 kes di Syarikat tersebut yang mengukuhkan petunjuk awal bahawa terdapat penularan influenza A(H1N1) di dalam komuniti.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 10 Julai 2009 jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak **103,930** kes dengan **459** kematian daripada 140 negara, iaitu pertambahan 5,057 kes. Lima negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah Chile (1759), Mexico (1009), Thailand (642), Brazil (240) dan Canada (183).

Seperti yang kita sedia maklum, virus influenza A(H1N1) adalah virus baru dan kita semua tiada imuniti kepada jangkitan ini. Jika penularan dalam komuniti ini tidak dikawal dengan baik, penularan akan meluas dengan cepat dan akan melibatkan kes-kes yang banyak dan jika keadaan ini tidak terkawal, kejadian kes berkomplikasi akan berlaku termasuk kematian.

Sebagaimana yang dilaporkan semalam, untuk membendung wabak pandemik di Malaysia (to slow down the spread), aktiviti kawalan dan pencegahan yang sedia-ada perlu diperkukuhkan melalui langkah-langkah pencegahan dan mitigasi. Langkah pencegahan dan mitigasi

ini perlu diambil bagi memastikan kes-kes yang berisiko dikenal pasti dan diambil tindakan awal untuk mengelakkan komplikasi diambil tindakan. Di antara langkah pencegahan dan mitigasi yang perlu dilaksanakan

1. Tindakan kawalan yang perlu diambil oleh individu dan masyarakat.

Tindakan yang berikut oleh individu dan masyarakat adalah berkesan bagi mengurangkan dan memperlambatkan penularan penyakit influenza A (H1N1) di dalam komuniti:

- a) *Social distancing* (menjarakkan kedudukan sekurang-kurang 1 meter dengan individu lain serta meminimumkan majlis perjumpaan).
- b) Etika batuk yang baik (*cough etiquette*).
- c) Kebersihan tangan dengan mencuci cara betul dan lebih kerap.
- d) Pengudaraan dalam rumah yang baik (*good household ventilation*)
- e) Kes-kes yang berkomplikasi dan berisiko tinggi perlu dirawat di hospital. Pendekatan ini akan memastikan impak negatif penularan pandemik dapat diminimumkan.
- f) Mereka yang bersimptom ringan, serta tiada masalah kesihatan, digalakkan rehat di rumah dan hanya perlu ke klinik atau hospital bila mendapati simptom menjadi lebih berat. Kehadiran ramai kes ringan ke klinik boleh membebankan keupayaan klinik untuk merawat kes-kes yang berisiko yang sebenarnya perlu diberi perhatian utama.
- g) Mereka yang bersimptom perlu memakai mask termasuk mereka yang berisiko tinggi seperti pesakit asthma, obesiti, ibu mengandung, diabetes, dan penyakit kronik paru-paru.
- h) Majikan dan institusi perlu memantau kehadiran pekerja mereka termasuk mereka yang tidak hadir bertugas kerana sakit.

- i) Kejadian kes bersimptom influenza perlu dilaporkan segera kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.

2. Kes-kes berisiko dikenal pasti dan diberi keutamaan untuk rawatan di hospital, manakala kes-kes yang ringan atau tanpa komplikasi akan dirawat sebagai pesakit luar dan dibolehkan tinggal di rumah.

- a) Kes–kes yang ringan (tanpa komplikasi) akan dirawat sebagai pesakit luar dan diminta tinggal di rumah. Mereka di minta untuk mengambil langkah kawalan jangkitan serta melaporkan sekiranya tanda-tanda penyakit bertambah
- b) Kes-kes yang berkomplikasi atau berisiko tinggi seperti asthma, penyakit respiratori kronik, diabetes mellitus, kegagalan organ, obesiti, dan ibu hamil akan dirawat hospital. Ini perlu untuk mengurangkan kematian akibat komplikasi.
- c) Semasa dalam rawatan di rumah, mereka ini perlu diasingkan dan semua anggota keluarga perlu mengamalkan etika batuk yang baik, kebersihan tangan serta pengudaraan yang baik.
- d) Hanya kes-kes yang berkomplikasi akan diambil sampel throat swab untuk tujuan pengesanan jangkitan.

3. Peranan fasiliti kesihatan dan perubatan

- a) Sistem *triaging* serta *infection control* perlu dipertingkatkan serta diperkukuhkan di semua fasiliti kesihatan dan perubatan.
- b) Kes-kes yang berkomplikasi perlu dirawat di hospital. Rawatan kes untuk lain-lain hospital adalah dibenarkan jika terdapat kemudahan rawatan pesakit dalam. Pesakit yang dirawat perlu diisolasi atau diasingkan.
- c) Keutamaan penggunaan rawatan antiviral kepada kes-kes yang berkomplikasi atau yang berisiko tinggi.

- d) Rawatan pesakit perlu memberi perhatian kepada Kes-kes dengan matlamat utama mengurangkan kematian dan seterusnya penularan penyakit.

4. Pengawasan wabak

- a) Aktiviti *surveillance* atau pengawasan akan terus diperkukuhkan. Kejadian luar biasa atau *cluster of cases* akan disiasat dan diambil tindakan kawalan dan pencegahan.
- b) Aktiviti pengesanan kontak serta kuarantin akan diminimumkan. Keutamaan kepada mereka yang bersimptom untuk mengamalkan *self-isolation* serta mengurangkan risiko menjadi sumber penularan kepada kes-kes baru.
- c) *Surveillance* 'ILI' akan diperkukuhkan untuk pengawasan kes-kes Influenza A(H1N1) di dalam komuniti.
- d) Pengambilan sampel klinikal untuk ujian pengesanan influenza A (H1N1) atau pengesanan **hanya** untuk kes-kes yang berkomplikasi sahaja. Sampel untuk '*cluster of cases*' cukup setakat random sampling sahaja dan tidak lebih daripada 10 sampel bagi tiap episod.
- e) Makmal IMR bagi ujian influenza A (H1N1) perlu memberi penumpuan utama kepada pengesanan dan pengawasan kekebalan ubat dan kewujudan perubahan genetik atau mutasi virus.
- f) Saringan di pintu masuk akan diteruskan mengikut keupayaan asal keutamaan aktiviti kawalan semasa.

Aktiviti-aktiviti yang disediakan akan dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan yang cekap dan berkesan agar penularan kes di Malaysia dapat dikurangkan ke tahap yang minimum.

Orang ramai diminta untuk terus dan sentiasa mengamalkan kebersihan diri terutamanya rutin membasuh tangan dan etika batuk. Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan <http://h1n1.moh.gov.my>. Talian *Hotline* influenza A(H1N1) Kementerian Kesihatan iaitu **03-8810200**, **03-88810300**, **03-88834414** dan **03-88834415** terus beroperasi antara 8.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari.

Kami yakin dengan kerjasama dan penglibatan semua pihak termasuk individu, penularan influenza A(H1N1) di Malaysia dapat dibendung demi untuk mengurangkan impak penyakit ini kepada kesihatan dan ekonomi negara.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 10 Julai 2009

SENARAI INFLUENZA A(H1N1) YANG DILAPORKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN PADA 10 JULAI 2009.

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
1	575	Malaysia	38	Ahli Pemiagaan	Bercuti ke Jakarta, Indonesia	AK595, Seat 11B (03-Jul-09)	Import	4-Jul-09	H Ampang	H Ampang
2	576	Malaysia	26	SuriRumahtangga	Bercuti ke Bali, Indonesia	Air Asia UZ8390, Seat 10C (5-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
3	577	Malaysia	13	Pelajar	Menyertai rombongan sekolah ke New York	Air Asia EK346, (7-Jul-09)	Import	7-Jul-09	HKL	H Sg Buloh
4	578	Malaysia	4	kanak-kanak	Bercuti ke United Kingdom bersama dengan keluarga	Saudi Airlines SV0832, 0832, Seat 60H, 60J, 60E, 60F (05-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
5	579	Malaysia	7	kanak-kanak	Bercuti ke United Kingdom bersama dengan keluarga	Saudi Airlines SV0832, 0832, Seat 60H, 60J, 60E, 60F (05-Jul-09)	Import	4-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
6	580	Indonesia	31	Pembantu Rumah kontak kes no 578 & 579	Bercuti ke United Kingdom bersama dengan keluarga majikan	Saudi Airlines SV0832, 0832, Seat 60H, 60J, 60E, 60F (05-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
7	581	Indonesia	20	Pelajar IPTA kontak kes no 483	Balik bercuti dari Indonesia	Air Asia AK381, Seat 31D (04-Jul-09)	Import	8-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
8	582	Malaysia	50	Suri Rumahtangga	Bercuti ke Surabaya, Indonesia	Air Asia QZ7615, Seat 6F	Import	6-Jul-09	HTAR Klang	HTAR Klang
9	583	Malaysia	34	Kontraktor	Bercuti ke Jakarta, Indonesia	KL0810, Seat 38A	Import	8-Jul-09	HKL	HKL
10	584	Malaysia	14	Pelajar Sek. Kontak terdekat kes no 524 (Bapa)	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	8-Jul-09	HTJ N Sembilan	HTJ N Sembilan

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
11	585	Malaysia	32	Agen Kargo	Bercuti ke Jakarta, Indonesia	KL810, Seat 43B (05-Jul-09)	Import	7-Jul-09	HTJ N Sembilan	HTJ N Sembilan
12	586	China	24	Ahli Perniagaan	Bercuti ke Manila dan Malaysia	MH705, Seat 39A (04-Jul-09)	Import	7-Jul-09	HTJ N Sembilan	HTJ N Sembilan
13	587	Malaysia	30	Antimony Laundry analyst	Bercuti ke Bangkok, Thailand	AIR ASIA FD3572	Import	7-Jul-09	HKL	HKL
14	588	Malaysia	20	Client Servicing Event Kontak terdekat kes no. 592	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	7-Jul-09	HKL	HKL
15	589	Malaysia	33	Surirumah tangga Kontak terdekat kes no. 488	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	5-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
16	590	Malaysia	30	Juruteknik Sistem kontak kes no 448 & 564	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	5-Jul-09	H Ampang	HTAR Klang
17	591	Malaysia	34	Ketua Pembangunan Perniagaan	Bercuti ke Bangkok, Thailand	MH PD573, Seat 23B (06-Jul-09)	Import	5-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
18	592	Malaysia	42	Penghibur/Artis	Bercuti ke Singapura	Jet Star 3K685, Seat 27C (01-Jul-09)	Import	1-Jul-09	HKL	HKL
19	593	Malaysia	58	Pesara Guru	Bercuti ke Indonesia	MH710, Seat 34F (07-Jul-09)	Import	8-Jul-09	HTAA Kuantan	HTAA Kuantan
20	594	Indonesia	24	Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif	Bercuti ke Malaysia	Lions Airline OT282, Seat 5D (06-Jul-09)	Import	5-Jul-09	H Ampang	Masih di kesan

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
21	595	Malaysia	19	Pelajar IPTS	Melancong ke Australia	Australia - KL, D2717 KL - Miri, AK5188, Seat 20A	Import	6-Jul-09	H Miri	H Miri
22	596	Malaysia	13	Pelajar	Menyertai rombongan sekolah ke New York	Air Asia EK346, Seat 44B/G (7-Jul-09)	Import	8-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
23	597	Malaysia	14	Pelajar	Bercuti ke Jakarta	MH722, (03-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
24	598	Malaysia	19	Pelajar IPTS	Bercuti ke Jakarta, Indonesia	KL0810,(04-Jul-09)	Import	6-Jul-09	PPUM	Kuarantin di rumah
25	599	Malaysia	37	Pramugara	Bercuti ke Tokyo, Jepun	MH89, (07-Jul-09)	Import	30-Jun-09	KLIA	H Sg Buloh
26	600	Malaysia	4	Pelajar Tadika	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	5-Jul-09	H Miri	Kuarantin di rumah
27	601	Malaysia	10	Pelajar	Melancong Ke Jakarta, Indonesia bersama dengan keluarga	MH722, Seat 38E (05-Jul-09)	Import	4-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
28	602	Malaysia	7	Pelajar	Melancong Ke Jakarta, Indonesia bersama dengan keluarga	MH722, Seat 38D (05-Jul-09)	Import	4-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
29	603	Malaysia	33	Jurutera	Bercuti ke Bangkok, Thailand	AK751, Seat 22B (07-Jul-09)	Import	8-Jul-09	LCCT	H Sg Buloh
30	604	Malaysia	28	Guru	Bekerja di Brunei	Menggunakan kenderaan (kereta) sendiri	Import	2-Jul-09	H Miri	H Miri

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
31	605	Malaysia	29	Agen pekerja asing	Bercuti ke Filipina	JET STAR, C9	Import	6-Jul-09	H Batu Pahat	H Batu Pahat
32	606	Malaysia	27	Juruteknik Sistem Kontak kes no 448 & 564	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	7-Jul-09	H Serdang	H Sg Buloh
33	607	Malaysia	53	Ahli Perniagaan	Bercuti ke Australia	Royal Brunei B1827, Seat 33A	Import	6-Jul-09	QEH Kota Kinabalu	QEH Kota Kinabalu
34	608	Malaysia	23	Client Servicing Event Kontak kes no 592	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	7-Jul-09	HKL	H Sg Buloh
35	609	Malaysia	34	Pensyarah IPTS	Bercuti ke London	MH001, Seat 54F (06-Jul-09)	Import	7-Jul-09	HKL	HKL
36	610	Malaysia	31	Jurutimbang Kelapa Sawit Kontak kes no 427	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	4-Jul-09	H Tawau	H Tawau
37	611	Malaysia	29	Pemuzik kelab Kontak kes no 427	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	4-Jul-09	H Tawau	H Tawau
38	612	Malaysia	11	Pelajar	Melancong ke Jakarta dan Bandung bersama ibu	AK393, Seat 20F (06-Jul-09)	Import	6-Jul-09	H Serdang	H Sg Buloh
39	613	Malaysia	23	Pelajar Kolej	Melancong ke Paris	MH021, Seat (06-Jul-09)	Import	6-Jul-09	HUKM	Kuarantin di rumah
40	614	Indonesia	23	Pelajar Kolej	Balik bercuti dari Indonesia	KLM0810, Seat 26F	Import	6-Jul-09	H Putrajaya	Kuarantin di rumah

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
41	615	Malaysia	35	Pegawai Pemasaran	Bercuti ke Phuket, Thailand	Air Asia AK5186,(28-Jun-09)	Import	3-Jul-09	H Miri	H Miri
42	616	Malaysia	19	Pelajar Kolej	Melancong ke Indonesia	KL0810	Import	5-Jul-09	PPUM	H Sg Buloh
43	617	Malaysia	20	Pelajar kontak terdekat kes no 520	Bercuti ke Indonesia	MH724, (04/07/09)	Import	7-Jul-09	PPUM	Kuarantin di rumah
44	618	Malaysia	56	Pekerja	Balik bercuti di Malaysia	MH602, Seat 6E (04-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
45	619	Indonesia	25	Pembantu Rumah Kontak terdekat kes no 444	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	6-Jul-09	HSNZ	HSNZ
46	620	Malaysia	39	Tidak Bekerja Kontak terdekat kes no 516	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak Berkenaan	Tempatan	8-Jul-09	HAS JB	H Sg Buloh
47	621	Malaysia	18	Pelajar Kontak kes no 572	Bercuti ke Malaysia	MH602, Seat 6F (04-Jul-09)	Import	7-Jul-09	H Sg Buloh	H Sg Buloh
48	622	Malaysia	18	Pelajar	Melancong ke USA	MH005, Seat 38J (05-Jul-09)	Import	7-Jul-09	HAS JB	HAS JB
49	623	Malaysia	25	Arkitek	Tiada sejarah ke keluar negara	Tidak berkenaan	Tempatan	6-Jul-09	QEH Kota Kinabalu	QEH Kota Kinabalu
50	624	British	25	Tidak Bekerja	Datang bercuti ke Malaysia	EK342 (08-Jul-09)	Import	8-Jul-09	HTJ N Sembilan	HTJ N Sembilan

BIL.	NO. KES	WARGA NEGARA	UMUR (TAHUN)	PEKERJAAN	MAKLUMAT PERJALANAN	PENGANGKUTAN & TEMPAT DUDUK	TEMPAT JANGKITAN/ JENIS JANGKITAN	TARIKH ONSET	PUSAT SARINGAN	HOSPITAL YG. MERAWAT
51	625	Malaysia	28	Eksekutif Bank	Bercuti ke Arab Saudi	Pakistan Airline PR896, Seat 23D (08-Jul-09)	Import	8-Jul-09	HTJ N Sembilan	HTJ N Sembilan
52	626	Malaysia	20	Pelajar	Bercuti ke Argentina	AK79, Seat 26C (07-Jul-09)	Import	8-Jul-09	LCCT	H Sg Buloh
53	627	Malaysia	36	Pengurus Pemasaran	Bercuti ke Bangkok, Thailand	AK747, Seat 20B (05-Jul-09)	Import	6-Jul-09	PPUM	Kuarantin di rumah